



Vietnam terus maju dek 'Doi Moi'

Tidak jemu ke pasar Ben Thanh di bandar raya Ho Chi Minh. Itulah luahan seorang rakan yang hobinya melancong ke luar negara. Pantang ada tawaran tiket kapal terbang murah serta cuti panjang rakan ini akan melancong sebagai terapi diri selepas sibuk bekerja.

Bukan seorang rakan yang pernah menyebut keseronokan melancong ke pasar Ben Thanh, malah ramai lagi yang pernah menjejakkan kaki ke situ memberikan pandangan sama.

Vietnam memang ada daya tarikan yang tersendiri. Ia ada kedai yang menjahit dan menjual tudung diusahakan oleh Muslim Vietnam. Golongan hawa dari Malaysia tidak pernah melepaskan peluang untuk memborong tudung apabila berada di Vietnam.

Bagi golongan Adam pula ada yang sanggup terbang ke sana semata-mata hendak menempah 'lounge suit' kerana fabrik dan upah jahitnya yang lebih murah. Mungkinkah pelancong dan pemborong dari Malaysia ini boleh dianggap secara tidak langsung sebagai 'pelabur' dalam sektor pelancongan Vietnam iaitu negara yang apabila dilihat dalam peta seakan-akan bentuk S itu.

Dari sudut diplomatik Malaysia dan Vietnam sudah menjalinkan hubungan selama empat dekad. Negara kita juga salah sebuah anggota ASEAN yang menyokong kemasukan Vietnam ke dalam pertubuhan kerjasama serantau itu pada 1995.

Dasar pasaran bebas

Dasar pasaran bebas yang diamalkan Vietnam pada hari ini menyenapkan imej kehancuran negara itu apabila terjebak dalam kancas peperangan dengan tentera Amerika Syarikat pada penghujung tahun 60-an.

Banyak filem Hollywood menceritakan senario perang Vietnam, namun ia sudah menjadi nostalgia kerana Vietnam bukan lagi zon perang dan rakyatnya tidak perlu lagi menjadi orang hanyut defm menyelamatkan diri seperti berlaku sekitar tahun 70-an.

Sejak Vietnam melancarkan dasar Doi Moi atau Transformasi dalam bidang ekonominya pada 1986, negara yang mempunyai penduduk seramai 90 juta itu tidak pernah menoleh ke belakang. Kedudukan Vietnam sebagai ne-



PASAR Ben Thanh yang menjadi tumpuan pelancong Malaysia.

FAKTA
Nilai dagangan
Malaysia
di Vietnam
melebihi
RM29.1 bilion

gara ketiga belas mempunyai penduduk ramai di dunia itu memberi peluang kepada usahawan Malaysia bagi melebarkan sayap perniagaan mereka ke sana.

Antara bidang yang diterosal oleh pelabur Malaysia di Vietnam ialah cari gali minyak, perhotelan dan pembinaan. Nilai dagangan Malaysia di Vietnam pula melebihi RM29.1 bilion dan ia menjadikan Malaysia sebagai sebuah rakan dagang utama Vietnam.

Memandangkan Malaysia mempunyai hubungan harmoni dengan Vietnam, maka kita juga mengharapkan kedatangan pelabur Vietnam ke sini. Bagi memastikan sasaran meningkatkan jumlah pelabur Vietnam ke Malaysia tercapai, penguasaan bahasa Vietnam dalam kalangan usahawan Malaysia satu kelebihan.

Sungguhpun bahasa Inggeris juga medium komunikasi di Vietnam, namun tahap penggunaannya masih belum meluas. Perkara ini perlu diberikan perhatian, terutama ketika usahawan dari Malaysia ingin mengadakan promosi menarik pelabur di Vietnam.

Sekiranya sektor korporat di Malaysia bersedia membuat sedikit pelaburan melatih pekerja mereka berkomunikasi dalam bahasa Vietnam, ia akan meningkatkan lagi keyakinan pelabur dari republik berkenaan.

Kerjasama pendidikan

Sempena lawatan Timbalan Perdana Menteri ke Vietnam baru-baru ini beberapa memorandum persefahaman (MoU) dimeratui, termasuk dalam bidang pendidikan dan pertanian. Vietnam cukup menyerlah dalam sektor pertanian dengan 60 peratus guna tenaganya terbabit secara langsung dalam pertanian, perikanan dan perhutanan.

Tambahan pula Vietnam ternarai dalam 10 negara pengeksport utama beras di dunia. Keupayaan Vietnam menghasilkan beras berkualiti boleh dipelajari oleh Malaysia. Kita bukan sahaja memerlukan bekalan beras tetapi kita juga ingin menimba teknologi pertanian yang dimiliki oleh Vietnam.

Oleh itu, kerjasama dalam bidang pendidikan boleh dijadikan platform untuk menggalakkan perkongsian ilmu dalam sains pertanian dengan Vietnam. Kerjasama ini boleh dimulakan dengan Universiti Putra Malaysia selaku peneraju pendidikan pertanian di negara ini supaya graduan jurusan pertanian yang bakal dihasilkan kelak tidak mengharapkan kerjaya makan gaji tetapi mereka mampu menjadi usahawan tani berdaya saing.

Penulis berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Mekanikal daripada Universiti Multimedia